

19 DEC 1998

Kotak Hitam

DR M DIMINTA CAMPURTANGAN TANGGUH TARIKH PASANG KOTAK HITAM

MUAR, 19 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diminta campurtangan untuk menangguhkan tarikh akhir pemasangan kotak hitam pada bas ekspres, bas persiaran dan bas kilang, pada 1 Jan depan.

Pengerusi Persatuan Pengusaha Bas Se Malaysia, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah berkata, keputusan itu diambil sebulat suara dalam mesyuarat jawatankuasa persatuan di Kuala Lumpur, semalam.

"Keputusan ini dibuat setelah Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik tidak menjawab permintaan kami untuk mengadakan dialog dengan persatuan berhubung perkara itu," katanya kepada pemberita pada persidangan berita di rumahnya di sini, hari ini.

Menurut beliau, persatuan juga telah menghantar lapan pucuk surat kepada Dr Ling bagi meminta agar diadakan satu dialog mengenai rasional di sebalik penggunaan kotak hitam pada bas-bas.

Beliau yang juga Pengerusi Tetap Umno berkata, persatuan tidak menbantah peraturan pemasangan kotak hitam itu, sebaliknya hanya memintanya ditangguhkan ke satu tarikh lebih sesuai.

"Ini kerana memandangkan 90 peratus daripada syarikat-syarikat pengangkutan bas menghadapi masalah akibat kegawatan ekonomi," katanya.

Pemasangan kotak hitam itu juga bukan begitu mendesak kerana ia tidak boleh mengelakan kemalangan, sebaliknya hanya memerangkap pemandu bas yang memandu melebihi had laju.

"Setakat ini, hanya terdapat kira-kira 100 buah bas daripada keseluruhan 6,000 bas ekspres, persiaran, kilang dan perkhidmatan awam lain yang telah memasang alat itu," katanya.

Adalah mustahil bagi kesemua baki bas itu memasang alat berharga RM1,000 seunit, dalam tempoh kurang daripada sebulan.

Beliau juga mendakwa perkhidmatan bas awam di negara ini akan menghadapi masalah besar jika Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) mengambil tindakan tegas terhadap bas-bas tanpa kotak hitam mulai 1 Januari depan.

"Kita bimbang syarikat bas terpaksa menghentikan perkhidmatan kerana masalah ini dan menyebabkan beribu-ribu rakyat menghadapi masalah pengangkutan terutama di masa perayaan seperti Aidilfitri dan Tahun Baru Cina kelak.

Di samping itu, masa depan 40,000 orang pekerja yang bergantung hidup kepada perusahaan pengangkutan awam ini juga akan turut terjejas, tambahnya.

-- BERNAMA

SO RAM PR